

24 JUL 2002

Mahathir-Laporan

UMNO KEMUKA LAPORAN KEPADA KERAJAAN MENGENAI TAKTIK GANAS PAS

KUALA LUMPUR 24 Julai (Bernama) -- Umno akan membuat laporan kepada kerajaan berhubung taktik dan cara kempen pilihan raya yang melampau dan ganas oleh PAS seperti yang berlaku pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata langkah membendung taktik dan cara kempen yang melampau dan ganas itu perlu dilakukan sejak awal lagi bagi mengelak sesuatu yang lebih buruk berlaku dan mencemarkan imej negara.

"Saya khuatir kalau penyokong PAS ini mula tidak hiraukan polis, sanggup tahan bas, tahan orang dan polis cuba kuatkuasa (undang-undang), satu hari nanti polis mesti guna kekerasan, terpaksa guna tembakan...nanti kalau jadi sesuatu apa-apa kita akan lihat rusuhan dalam negara yang akan memburukkan imej kita.

"Sebab itu awal-awal lagi kita tentukan cara-cara ganas ini (oleh PAS) dapat dibendung," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Presiden Umno itu berkata laporan berkenaan akan dikemukakan secepat mungkin dan Umno telah mempunyai segala maklumat dan bukti mengenai keganasan PAS dan apa yang berlaku semasa pilihan raya itu.

"Soal keganasan ini kita serah kepada kerajaan untuk mengambil tindakan," katanya.

Kempen pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit antara 10 hingga 18 Julai lepas dipenuhi dengan unsur-unsur ganas, ugutan, maki hamun, fitnah dan perbuatan lucah.

Calon Barisan Nasional (BN) Datuk Othman Abdul menang di Pendang dengan mengalahkan Dr Mohamed Hayati Othman dari PAS dengan majoriti 283 undi manakala di Anak Bukit, calon BN Datuk Zakaria Said kalah kepada calon PAS Amiruddin Hamzah yang memperolehi majoriti 508 undi.

Dr Mahathir berkata walaupun ramai yang tidak bersetuju dengan cara-cara PAS, mereka ini takut untuk menyatakan bahawa mereka penyokong kerajaan kerana khuatir dipulaukan memandangkan mereka tinggal di perkampungan yang mempunyai ramai penyokong PAS.

Katanya, mesyuarat MT yang secara khusus membincangkan prestasi Umno pada pilihan raya kecil itu keseluruhannya berpuashati dengan pencapaian parti dan mendapati sokongan terhadap BN semakin bertambah.

Hampir kesemua peti-peti undi mencatatkan jumlah pengundi yang memilih BN meningkat walaupun tidak menang di sesetengah tempat, jumlah undi yang diperolehi bertambah, katanya.

"Ini bermakna ramai yang sudah beralih untuk menyokong Umno semula. Sebabnya kita tak menang ialah kerana keganasan oleh PAS...ada yang didakwa membawa senjata, parang dan sebagainya dan ugutan yang dahsyat kepada orang Cina, mereka ugut dengan cara body language," katanya.

Menurutnya di Anak Bukit, kira-kira 600 pengundi Cina tidak keluar mengundi kerana bimbang dengan ugutan PAS bahkan ramai pengundi Melayu termasuk anggota Umno sendiri tidak dapat keluar mengundi kerana tindakan ganas PAS yang bertindak menyekat laluan ke pusat-pusat mengundi serta menakutkan mereka.

Dr Mahathir berkata ada anggota PAS yang mengugut untuk menceraikan isteri sendiri jika menyokong BN dan sebilangan individu PAS yang mengugut akan merogol anggota Pergerakan Puteri Umno sekiranya mereka memasuki kawasan parti itu.

"Bahkan pengawal-pengawal PAS tidak membenarkan orang Umno masuk ke kawasan tertentu. Mereka tentang, mereka ugut supaya perayu undi dan sebagainya tidak berani masuk.

"Bagi perayu undi Wanita (Pergerakan Wanita Umno) dan Puteri, cara mereka ialah selak kain supaya orang tidak berani datang. Inilah cara sebuah parti yang mendakwa diri mereka parti Islam," katanya.

Beliau berkata di Pendang, BN kehilangan kira-kira 2,000 undi kerana pengundi tidak berani keluar berikutan ugutan.

"...itulah sebabnya kita tidak menang di Anak Bukit dan menang dengan margin yang kecil di Pendang," katanya.

Ditanya mengenai cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya supaya ia diberikan lebih kuasa bagi mengawal pilihan raya termasuk menangani cara berkempen yang keterlaluan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menyelar putar belit PAS berhubung dirinya termasuk mengedarkan poster yang memaparkan beliau memakai seluar pendek bagi menunjukkan kononnya beliau bukan pemimpin Islam sebenar.

Sambil menunjukkan poster berkenaan kepada media, beliau berkata: "Ini gambar saya pakai seluar pendek. Ini badan saya tapi mereka bubuh kaki orang lain kot... Pemain football (Arab) Saudi dan Kuwait pun pakai seluar pendek."

Sementara itu, Dr Mahathir juga berkata undang-undang hudud ala-PAS sememangnya menzalimi kaum wanita kerana ia antara lain mengenakan hukuman terhadap mangsa dan bukannya mereka yang melakukan kesalahan seperti rogol.

-- BERNAMA

MAM HS MOZ